

## **KEGEMILANGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI LINGUA FRANCA**

**Hanis Izrin Mohd Hassan**  
**Siti Mahani Angterian**  
**Mohd Sharifudin Yusop**  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

Pada alaf ke-21 ini, masyarakat Malaysia lebih terdedah dan cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan mereka. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa Inggeris dilihat sebagai salah satu bahasa yang sangat berpengaruh dan sering digunakan oleh semua masyarakat di seluruh dunia dalam proses komunikasi mereka. Namun begitu, masyarakat perlu didedahkan dengan hakikat bahawa bahasa Melayu juga pernah diiktiraf sebagai bahasa *lingua franca* suatu ketika dahulu. Pendedahan terhadap penggunaan bahasa Inggeris menyebabkan penggunaan bahasa Melayu dan sejarah yang pernah dilaluinya semakin jauh ditinggalkan oleh penuturnya terutama bangsa Melayu. Oleh itu, artikel konseptual ini memberikan tumpuan kepada fungsi bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.

**Kata Kunci:** *Bahasa Melayu, lingua franca, bahasa perantara, bahasa antarabangsa.*

## **THE EXCELLENCY OF MALAY LANGUAGE AS LINGUA FRANCA**

### ***Abstract***

*In 21st century, Malaysian people exposed and tend to use English language as a lingua franca. This is because the use of English language seen as one of the most influential and frequently used by people all over the world in their communication. However, Malaysian people should be exposed to the fact that Malay language is also recognized as the lingua franca in the past. Exposure to the use of English language caused the use of Malay language and their history has travelled farther left by their speakers, especially Malays. Therefore, this conceptual paper explores about the Malay language as the communication language.*

**Keywords:** *Malay Language, lingua franca, language as communication, international language.*

### **PENDAHULUAN**

Bahasa merupakan alat yang digunakan dalam satu proses pertuturan atau perhubungan. Menurut Azhar M. Simin (1988), bahasa bermakna *language*, iaitu alat perhubungan dan bahasa juga membawa makna kesopanan. Bahasa digunakan oleh dua pihak, iaitu penutur dengan pendengar untuk melancarkan proses komunikasi. Bagi Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2007), setiap individu yang hidup dalam masyarakat akan terlibat dengan komunikasi. Dalam hubungan ini, bahasa digunakan sebagai medium yang menjalin aturan dan ikatan pemikiran antara dua pihak. Seterusnya, bagi Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2012), sesuatu bentuk komunikasi yang menggunakan bahasa lahir dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa ini merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, seperti perbualan antara kawan, ahli kelompok tanpa mengira kumpulan majoriti mahupun minoriti. Berdasarkan kenyataan ini dapat dijelaskan bahawa bahasa yang digunakan juga mestilah tidak lebih daripada satu bahasa yang difahami oleh kedua-dua belah pihak bagi memastikan proses komunikasi dapat berjalan dengan mudah dan lancar.

Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa yang dipilih oleh kebanyakan masyarakat sebagai alat komunikasi mereka antara sesama bangsa Melayu atau antara Melayu dengan bukan Melayu. Hal ini demikian kerana masyarakat Malaysia lebih mudah memahami bahasa Melayu dan majoriti

penduduknya juga terdiri daripada bangsa Melayu. Sehubungan dengan itu, Nazri Muslim, Zaharah Hassan dan Abdul Latif Samian (2011) menjelaskan bahawa hasil persetujuan perlembagaan, Bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini dianggap penting kerana bahasa merupakan penghubung antara masyarakat yang berbilang budaya dan etnik. Hal ini kerana kepelbagaian bahasa yang tidak difahami secara meluas antara satu sama lain boleh menimbulkan salah faham yang akhirnya menjurus kepada ketegangan dan konflik. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang telah dipilih sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu negara. Pemilihan ini telah ditetapkan dalam sebuah perjanjian yang terdapat dalam kontrak sosial, iaitu Perlembagaan Malaysia setelah Malaysia bebas daripada genggaman penjajah. Kenyataan ini dapat disokong oleh pendapat sarjana, iaitu Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008). Dalam buku Tatabahasa Dewan, mereka menjelaskan bahawa perjuangan bahasa Melayu dilakukan serentak dengan perjuangan politik dalam usaha untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. Ternyata perjuangan tersebut membuahkan hasil apabila termaktubnya Artikel 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang mencatatkan Bahasa Kebangsaan negara ini adalah Bahasa Melayu.

Sebelum bahasa Melayu diiktiraf dan diangkat martabatnya menjadi bahasarasmi negara, bahasa Melayu telah membuktikan kemampuannya sebagai bahasa antarabangsa kerana menjadi bahasa perantara pada abad itu. Namun, ledakan era globalisasi menjadi bahasa perantara atau dikenali sebagai *lingua franca* lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa seperti bahasa China, bahasa Jepun, bahasa Korean dan yang paling ketara ialah bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, perbincangan ini akan memberikan tumpuan kepada fungsi bahasa Melayu sebagai *lingua franca* suatu ketika dahulu untuk mengenang kembali kegemilangannya. Sebelum perbincangan ini dikupas dengan lebih terperinci, definisi dan sejarah asal usul wujudnya istilah *lingua franca* ini akan diuraikan terlebih dahulu.

### **Lingua Franca**

Menurut Akmajian, A. Demers, R. A. Farmer, A. K. dan Harnish, R. M. ( 1995), istilah *lingua franca* sebenarnya diambil daripada nama salah satu masyarakat Jerman Kuno. Masyarakat ini dikenal pasti tinggal di sekitar Sungai Rhine, terutama di sebelah Selatan Perancis. Bahasa ini dikatakan menjadi bahasa pertuturan di sebelah timur wilayah Mediterranean, terutama di pelabuhan pada Zaman Pertengahan dalam lingkungan tahun masihi 1000 hinggalah abad ke-15. Bahasa ini juga digunakan oleh pedagang dan tentera perang Salib.

*Lingua franca* merupakan istilah yang digunakan untuk melambangkan bahasa komunikasi atau pertuturan bagi dua pihak, yang berbeza bahasa ibunda

mereka. Menurut Asmah Omar (2007), *lingua franca* membawa makna sebagai bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas. Bagi Mohammed Azlan Mis (2010) pula, situasi ini dapat dijelaskan melalui bahasa yang terdapat di wilayah Nusantara. Di wilayah ini wujudnya pelbagai bahasa, tetapi bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan dan pertuturan dalam wilayah berkenaan. Pendapat ini disokong pula dengan pandangan Istiqamatunnisak (2012), iaitu bahasa Melayu dikatakan berperanan sebagai *lingua franca* di wilayah Nusantara. Bahasa ini digunakan oleh masyarakat sebagai bahasa perantara untuk aktiviti komunikasi antara berbagai suku dan bangsa asing lainnya. Di samping itu, penerangan tentang *lingua franca* ini juga turut dikongsikan dalam artikel yang terdapat dalam majalah *Dewan Bahasa*. Phaosan Jehwae (2012) mengatakan bahawa sejarah telah membuktikan, sejak zaman dahulu lagi bahasa Melayu telah menjadi satu bahasa yang digunakan sebagai *lingua franca* bagi negara di Asia Tenggara. Bahasa ini digunakan sebagai alat perhubungan antara masyarakat setempat, iaitu yang tinggal di Nusantara dengan kaum pendatang. Kaum pendatang yang dinyatakan ini terdiri daripada golongan pedagang, diplomat serta pengembara. Buktinya dapat dilihat melalui penggunaan bahasa Melayu di Thailand. Bahasa Melayu dikatakan turut menjadi bahasa perhubungan dan bahasa diplomasi antara masyarakat Siam dengan golongan pedagang yang singgah mahupun datang ke tempat itu. Di sini terbukti bahawa bahasa Melayu sememangnya mempunyai nilai yang tinggi pada zaman dahulu apabila menjadi bahasa penghantar dalam kalangan masyarakat setempat dengan pendatang asing. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu mudah difahami dan dipelajari oleh pendatang asing dengan cepat kerana sistem bahasanya yang mudah.

Menurut Peter Trudgill (1983), *lingua franca* merupakan bahasa yang diguna pakai sebagai bahasa perhubungan dalam kalangan orang yang tidak mempunyai bahasa ibunda yang sama.

*A lingua franca is a language which is used as a means of communication among people who have no native language in common.*

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Trudgill (1983) ini, *lingua franca* dilihat sangat sesuai dan wajar digunakan oleh negara baru yang berhadapan dengan kesukaran untuk memilih satu atau beberapa bahasa kebangsaan. Namun, kadang kala penggunaan *lingua franca* juga akan menimbulkan masalah yang besar apabila wujud beberapa bahasa perantara.

Bersandarkan beberapa kajian dan definisi yang telah diberikan oleh tokoh dan sarjana, *lingua franca* boleh diertikan sebagai bahasa perhubungan atau dikenali sebagai bahasa perantara. Bahasa ini merupakan bahasa yang digunakan untuk memudahkan proses komunikasi antara pihak yang mempunyai bahasa

ibunda yang berbeza. Oleh sebab itu, satu bahasa yang difahami oleh kedua-dua pihak dipilih sebagai alat dalam komunikasi mereka. Bahasa ini digunakan sebagai jalan terbaik bagi memastikan maklumat yang ingin disampaikan antara kedua-dua belah pihak berlaku dengan mudah dan cepat. Mengikut catatan sejarah, terdapat beberapa bahasa yang pernah memainkan peranannya sebagai *lingua franca*. Asmah (2003), menjelaskan bahasa Latin berfungsi sebagai bahasa pengantar pendidikan di sebelah barat, iaitu sepanjang Zaman Pertengahan. Selain itu, Asmah turut menjelaskan bahawa bahasa Perancis juga pernah mendukung peranan sebagai bahasa antarabangsa dalam bidang diplomasi, iaitu pada abad ke-17 sehingga abad ke-20. Menurut Mohammed Azlam Mis pula, *lingua franca* diungkapkan sebagai bahasa yang dikongsi secara bersama oleh semua penutur bahasa, khususnya dalam hubungan sosial dan dalam menjalani kehidupan harian. Baginya, *lingua franca* merupakan ragam bahasa yang dipilih daripada beberapa ragam bahasa yang sedia ada dalam sesuatu bahasa dan digunakan secara meluas. Selain itu juga, *lingua franca* dikatakan bahasa yang dipilih dan diguna pakai dalam kalangan kelompok yang berbeza bagi menghasilkan komunikasi yang berkesan dalam sesebuah wilayah yang penduduknya terdiri daripada pelbagai keturunan, daerah serta tingkat sosial yang berbeza.

### **Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca**

Bahasa Melayu sememangnya telah lama wujud dan melalui sejarah yang panjang. Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu berupaya menjadi bahasa *lingua franca*. Asmah (2007), menjelaskan bahawa terdapat pelbagai bahasa di alam Melayu namun *lingua franca* yang digunakan ialah bahasa Melayu. Kenyataan bahawa bahasa Melayu sebagai *lingua franca* adalah berdasarkan penemuan batu bersurat yang tertua, iaitu Kedukan Bukit di Palembang bertarikh 683 Masihi yang menunjukkan kewujudan bahasa Melayu Kuno dalam bentuk penulisan (Noor Suraya Adnan, 2008). Selain daripada batu bersurat Kedukan Bukit di Palembang, terdapat beberapa lagi batu bersurat dijumpai yang menggunakan bahasa Melayu Kuno iaitu batu bersurat di Talang Tuwo, Palembang (684 Masihi), batu bersurat di Kota Kapur, Pulau Bangka (686 Masihi) dan batu bersurat di Karang Brahi, Meringin daerah hulu Jambi (686 Masihi) (Nik Safiah Karim, 2010).

Menurut Ismail Hussein (1966), penemuan batu-batu bersurat ini di daerah Sumatera bukan sahaja penting dari segi bentuk bahasa Melayu yang wujud pada masa itu, tetapi juga dari segi kedudukan dan peranan bahasa Melayu pada ketika itu. Batu-batu bersurat yang dijumpai menunjukkan bahawa pada zaman kerajaan Sriwijaya, bahasa Melayu mempunyai kedudukan istimewa sebagai bahasa pernyataan sastera yang indah dan menjadi bahasa pemerintah, bahasa perdagangan dan bahasa pernyataan ilmu pengetahuan dan kebudayaan. Bukti ini

jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa perantara (*lingua franca*) sejak zaman pemerintahan Sriwijaya lagi.

Noriah Mohamed (1999), pula mengatakan bahawa bahasa Melayu kuno telah digunakan secara meluas dalam kehidupan masyarakat Melayu kuno. Catatan pada empat batu bersurat kerajaan Sriwijaya membuktikan bahawa bahasa Melayu kuno telah berfungsi sebagai bahasa undang-undang, bahasa pemerintahan dan bahasa kebangsaan bagi kerajaan Sriwijaya dan telah disebarluaskan penggunaannya di jajahan taklukan. Sebagai lanjutan daripada tradisi yang telah diamalkan oleh penutur bahasa Melayu purba, bahasa Melayu kuno digunakan sebagai alat perhubungan dalam masyarakat Melayu dan sebagai *lingua franca* dalam hubungan masyarakat Melayu dengan orang asing yang datang ke Sriwijaya serta sewaktu hubungan dagang dan politik Sriwijaya dengan negara tertangga.

Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad (2014), turut menjelaskan bahawa bahasa Melayu dalam sejarahnya telah menjadi bahasa antarabangsa yang luas digunakan di rantau Asia Tenggara, iaitu sejak zaman Empayar Sriwijaya pada abad ke -7 M sehinggalah abad ke-19 M. Tegasnya, bahasa Melayu menjadi *lingua franca* bagi seluruh wilayah ini dalam perdagangan dan perhubungan antarabangsa. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa rasmi serta bahasa persuratan bagi pusat-pusat pemerintahan di seluruh rantau ini. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantara ketika itu kerana kehebatan pemerintahan kerajaan Sriwijaya dari segi perdagangan sehingga mereka menjadi pusat maritim utama yang dapat menarik perhatian pedagang asing.

Dengan kedudukannya yang strategik dan peluasan jajahan taklukannya sehingga ke Selat Melaka dan Selat Sunda, Kerajaan Sriwijaya diakui sebagai jalur perdagangan yang paling berpengaruh ketika itu. Hal ini demikian kerana dengan kekuatan perdagangan yang dimiliki, kerajaan Sriwijaya berjaya meluaskan jajahan taklukannya. Sriwijaya yang menjadi laluan utama perdagangan, iaitu perdagangan rempah dan perdagangan tempatan bertindak mengenakan cukai kepada kapal dagang yang melalui kawasan perairan mereka. Kekayaan negara ini dilihat melalui kepelbagaian hasil komoditi yang dimiliki seperti kayu gaharu, cengkih, emas dan timah, yang ketika itu menjadi hasil perdagangan yang dapat menarik perhatian pedagang asing untuk berurusan dengan mereka. Sehubungan dengan kekayaan hasil perdagangan dan kedudukan serta kekuasaan Kerajaan Sriwijaya ketika itu, penggunaan bahasa sangat mempengaruhi urusan perdagangan. Bahasa yang digunakan ketika itu sangat penting kerana berfungsi sebagai alat untuk memudahkan proses komunikasi ketika urusan perdagangan dilakukan. Berdasarkan catatan sejarah, bahasa yang digunakan ketika itu ialah bahasa Melayu.

Kenyataan ini juga sejajar dengan pendapat Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Abd Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman (2013), yang mengatakan bahawa kerajaan dan negeri Melayu telah wujud sekian lama dan jelas menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan ketika itu sebagai alat komunikasi adalah bahasa Melayu.

Sharifah Darmia Sharif Adam (2012), juga menjelaskan bahawa Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* sejak berabad-abad yang lalu di Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantara dalam urusan pemerintahan dan perdagangan. Bagi Awang Sariyan (2002) pula, bahasa Melayu dijelaskan telah tersebar melalui proses pertembungan dan perkembangan politik, perdagangan dan penyebaran agama. Ketika itu, bahasa Melayu menjadi bahasa perantara atau *lingua franca* bagi seluruh Nusantara sejak zaman Kerajaan Sriwijaya, iaitu seawal abad Masihi hingga ke zaman Melaka dan Aceh.

Bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang digunakan dalam urusan perdagangan tersebut. Ketika itu, bahasa Melayu menjadi bahasa perantara antara pedagang tempatan dengan pedagang asing, yang rata-ratanya memahami serta fasih bertutur dan sebahagiannya menulis menggunakan bahasa Melayu. Bahasa ini menjadi bahasa utama ketika urusan perdagangan dan juga ketika komunikasi bukan sahaja antara sesama masyarakat tempatan, tetapi antara masyarakat tempatan dengan pedagang asing, malah terdapat penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan sesama pedagang asing. Di sini dapat dilihat kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa kerana digunakan oleh pelbagai bangsa dan penutur asing.

Melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh kerajaan Sriwijaya ini juga secara tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Awang Sariyan (2007), menjelaskan bahawa dengan membayangkan betapa luasnya jajahan takluk kerajaan Sriwijaya, dapatlah kita membayangkan betapa luasnya penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran di seluruh negeri di bawah empayar Sriwijaya dan telah terbukti bahawa bahasa Melayu berfungsi sebagai *lingua franca* pada zaman kerajaan Sriwijaya.

Pada zaman bahasa Melayu klasik, iaitu bermula dari awal abad ke-14 Masihi hingga ke akhir abad ke-18 Masihi, bahasa Melayu masih berperanan sebagai *lingua franca*. Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2006), menjelaskan bahawa terdapat banyak prasasti berbahasa Melayu klasik dijumpai di Tanah Semenanjung seperti di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kelantan, Kedah, Terengganu dan di beberapa tempat lain. Di Sumatera juga terdapat banyak prasasti berbahasa Melayu klasik seperti di Sumatera Selatan, Jambi, Riau, Sumatera Barat, Sumatera Utara dan Aceh. Selain itu, tulisan berbahasa Melayu klasik juga banyak terdapat dalam bentuk manuskrip Melayu lama yang ditulis pada kulit kambing, kertas, kain, ukiran pada kayu, gading, batang buluh, dan daun lontar. Manuskrip Melayu tertua pula berbentuk surat-surat kiriman yang dikirim oleh Sultan Ternate, Maluku kepada Raja Portugis bertarikh 1521 dan 1522 Masihi. Manuskrip dalam bentuk buku yang paling tua ditemui setakat ini ialah kitab Aqa'id Al-Nasafi yang bertarikh 1590 Masihi. Bahasa Melayu klasik turut tersebar luas di beberapa bahagian dunia timur.

Bahasa Melayu klasik bukan sahaja digunakan oleh orang Melayu pada zaman itu bahkan digunakan oleh orang bukan Melayu terutama di Asia Tenggara.

Perkara ini membuktikan bahawa bahasa Melayu klasik telah menjadi bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara pada masa itu. Bahasa Melayu pada zaman itu juga dijadikan bahasa yang penting untuk menyebarkan agama Islam di Asia Tenggara. Bahasa Melayu banyak dipelajari oleh orang bukan Melayu seperti orang Cina, India, Arab, Parsi, dan juga orang dari barat seperti Portugis, Itali, Belanda, Inggeris, Perancis dan Sepanyol. Mereka mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan perniagaan, perhubungan antara negara dan raja serta pengembangan ajaran agama terutama Islam dan Kristian. Kesannya, lahir buku-buku dalam bentuk daftar kata seperti Cina-Melayu, Itali-Melayu, Melayu-Belanda, Melayu-Inggeris; kamus, buku tatabahasa dan hasil karya sastera Melayu. Penggunaan bahasa Melayu tersebar dan berkembang dengan pesat pada zaman bahasa Melayu klasik. Penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja terbatas kepada orang Melayu tetapi juga dalam kalangan orang bukan Melayu dari kelompok Asia, Eropah, Asia Barat dan Selatan yang datang ke Asia Tenggara.

Selanjutnya, pada zaman kerajaan Melaka bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa pemerintahan, bahkan menjadi bahasa perdagangan di pelabuhan kota Melaka dan pelabuhan-pelabuhan lain dalam jalur perdagangan rempah dari Aceh di Sumatera utara hingga ke kepulauan Maluku terutama di Kota Ambon, Ternate dan Tidore. Bahasa Melayu juga digunakan untuk transaksi perdagangan di pantai utara Australia dan ke barat hingga ke Gujerat di India. Di samping itu, bahasa Melayu digunakan untuk menyebarkan agama Islam di pelbagai tempat di alam Melayu terutama di jalur pelabuhan perdagangan rempah dari Melaka ke selatan menuju ke Jawa Timur dan Tengah di kota Gresik Japara, ke Makassar di Sulawesi Selatan membawa ke kepulauan Maluku. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan pada zaman kerajaan Melaka membuktikan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa *lingua franca*.

Abdul Rahman Abdullah (1990), pula menjelaskan bahawa bahasa Melayu klasik berfungsi sebagai *lingua franca* pada zaman masyarakat Melayu klasik. Bahasa Melayu klasik menjadi bahasa rasmi dan bahasa pergaulan sehari-hari di kebanyakan negeri di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu klasik mempunyai fungsi baharu berbeza dengan bahasa Melayu kuno, ketika kedatangan Islam. Bahasa Melayu klasik diiktiraf sebagai bahasa ilmu pengetahuan (sejajar dengan agama Islam yang dianggap sebagai agama ilmu pengetahuan) dan sebagai bahasa penulisan (yang pada mulanya digunakan untuk tujuan keagamaan Islam juga). Dalam kata lain, kedatangan Islam telah menjadikan bahasa Melayu muncul sebagai bahasa pengantar serta berfungsi sebagai bahasa sarjana dan bahasa para cendekiawan yang terkemuka. Noriah Mohamed (1999), juga mengatakan bahawa antara peranan bahasa Melayu pada zaman Melayu Klasik adalah sebagai bahasa perantara (*lingua franca*). Di pusat skriptorium, punjagga istana atau *bat* memainkan peranan penting menghasilkan



bahan bertulis berbahasa Melayu bagi pihak istana. Tugas utama pujangga istana adalah mengarang surat rasmi yang hendak dikirim oleh raja kepada raja-raja lain dan membaca surat yang diterima daripada raja-raja lain. Pujangga istana perlu sangat berhati-hati, terutamanya dalam pemilihan kata kerana sedikit kesilapan akan membawa bencana yang besar kepada negeri berkenaan. Oleh itu, setiap kata-kata dalam surat raja-raja Melayu memperlihatkan adab dan sopan yang tinggi sesuai dengan status hubungan antara pihak yang bersuratan. Misalnya, dalam hubungan dengan kerajaan Siam yang berstatus negeri bermusuhan, raja Melaka menghantar surat bersifat neutral kepada raja Siam. Oleh itu, Gallop dan Arps (1991), menganggap surat-surat berbahasa Melayu (khususnya bertulis jawi) yang dikirimkan oleh raja-raja Melayu dalam hubungan antara raja-raja Melayu dan antara raja Melayu dengan raja, pembesar dan pedagang dianggap sebagai manuskrip Melayu yang paling halus dan paling indah. Surat-surat itu disebut sebagai surat emas kerana selain bahasa yang beradab dan bersopan santun, surat-surat tersebut ditulis dan dihiasi dengan halus dan teliti dari semua segi. Contohnya, aturan kata, pemilihan kata, kepala surat dan puji-pujian pembuka surat sangat indah dan beradab.

Penulisan surat-surat berbahasa Melayu yang diutuskan kepada raja-raja, pembesar dan pedagang jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu berperanan sebagai *lingua franca* di zaman masyarakat Melayu klasik. Jumlah terbesar surat emas berbahasa Melayu klasik dikirimkan oleh raja-raja Melayu dari seluruh Alam Melayu kepada tokoh-tokoh terkemuka Inggeris yang bertujuan untuk diplomatik, perdagangan, persahabatan, kepercayaan, intrik dan juga kecurigaan. Surat tertua berbahasa Melayu terdiri daripada dua pucuk surat daripada Sultan Ternate, iaitu Sultan Abu Hayat kepada Raja Portugal, John III bertarikh 1521 dan 1522. Kedua-dua surat ini berlatar belakang permusuhan Portugal dan Sepanyol dalam usaha menguasai Ternate dan Tidore yang merupakan pusat perdagangan bunga cengkih pada waktu itu. Surat-surat terawal berbahasa Melayu menggunakan tulisan jawi dari Aceh pula bertarikh pada abad ketujuh belas. Surat-surat tersebut ditulis ketika hubungan rasmi Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan Alam Melayu mula terjalin. Selanjutnya, sebahagian besar koleksi surat berbahasa Melayu klasik yang lain merupakan surat-surat yang dihantar oleh raja-raja Melayu kepada Sir Thomas Stamford Raffles yang menjadi Leftenan Gabenor di Jawa (1881-1816) dan di Bengkulu (1818-1824).

Surat-surat berbahasa Melayu beraksara jawi juga berkemungkinan besar dihantar oleh kerajaan asing kepada pemerintah-pemerintah Melayu. Misalnya, sewaktu negara China diperintah oleh keturunan Dinasti Ming, khususnya Kaisar Cheng Zhu (1403-1425 M), usaha-usaha meluaskan dan mengeratkan hubungan dengan negeri-negeri sekitar serta negeri-negeri naungan sangat giat dilakukan. Liang Liji (1996), menjelaskan bahawa segala usaha ini sangat bergantung kepada penggunaan bahasa asing. Atas kesedaran ini, kerajaan Dinasti Ming telah

menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dinamakan *Da Tong Shi* yang bertugas menguruskan keperluan jurubahasa untuk kaisar. Menurut buku sejarah *Deng Tan Bi Jiu* (Catatan Segala Hal-Ehwal Kerajaan), *Da Tong Shi* mengandungi 18 jawatan kuasa kecil dengan jumlah tong shi (jurubahasa) seramai 60 orang dan antara jurubahasa tersebut terdapat seorang jurubahasa untuk Melaka dan seorang lagi untuk Sumatera.

Sebuah balai bahasa yang dinamakan *Si Yi Guan* (Balai Bahasa Negeri-negeri Asing) ditubuhkan untuk melatih para jurubahasa. Ketika mula ditubuhkan *Si Yi Guan* mengandungi lapan jabatan dan Jabatan Bahasa Melayu termasuk di bawah jabatan yang dinamakan Hui Hui Guan (Jabatan Islam) yang merangkumi juga jabatan Parsi, Arab dan Jawa. Aksara yang digunakan untuk pembelajaran bahasa Melayu mungkin aksara jawi dan aksara Cina. Berdasarkan contoh tersebut, maka boleh diandaikan bahawa aksara jawi disalin ke aksara Cina sewaktu penterjemahan surat dari negeri-negeri Melayu dan sebaliknya sewaktu menulis surat balasan dan titah kaisar, aksara Cina disalin ke aksara Jawi. Hal ini dibuktikan menerusi penghasilan kamus dwibahasa Cina-Melayu yang terawal (1403-1511) yang memperlihatkan kata-kata Melayu ditulis dalam aksara Cina (Mandarin) untuk kemudahan orang Cina (Noriah Mohamed, 1999). Perkara ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantara dalam penulisan surat antara raja Melayu dengan kerajaan China Dinasti Ming.

Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* hanya mampu bertahan sehinggalah awal abad ke-20 dan seterusnya mula memperlihatkan kemerosotannya. Menurut Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad (2014), suasana penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca of the East* hanya dapat berterusan berlaku sehinggalah permulaan abad ke-20 kerana desakan penggunaan bahasa penjajah Barat sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan ke atas jajahan taklukan mereka, iaitu British terhadap Semenanjung Tanah Melayu dan Utara Borneo, Belanda bagi Kepulauan Sumatera, Jawa, Selatan Borneo, Sulawesi, Maluku, Madura, dan Bali serta Sepanyol terhadap Kepulauan Filipina. Hasil jajahan kuasa Barat di semua kawasan tersebut telah menyebabkan peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* diambil alih oleh bahasa penjajah.

Walaupun bahasa Melayu tidak lagi berfungsi sebagai *lingua franca* seperti zaman dahulu, namun bahasa ini masih diguna pakai di beberapa buah negara. Jumlah penutur bahasa Melayu masih besar kuantitinya dan masih relevan untuk dimartabatkan lagi penguasaannya di seluruh dunia agar bahasa ini tidak sepi dan akhirnya lenyap begitu sahaja. Bahasa Melayu kini menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia. Negara Brunei turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara mereka. Singapura juga mengekalkan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan walaupun Singapura mempunyai empat bahasa rasmi iaitu bahasa Inggeris, Cina, India dan Melayu. Di selatan

Thailand pula, bahasa Melayu digunakan oleh masyarakat daripada Kesultanan Melayu Patani (orang Melayu Patani). Namun, bahasa ini tidak memperoleh sebarang pengiktirafan daripada kerajaan (Nordin Razak, 2010).

## **KESIMPULAN**

Pada zaman dahulu, bahasa Melayu menjadi bahasa perdagangan. Bahasa Melayu digunakan sebagai alat perhubungan dalam kalangan raja-raja, penguasa Melayu dan bukan Melayu serta antara sesama pengusaha bukan Melayu. Bahasa Melayu menjadi bahasa perantara dalam hubungan masyarakat Melayu dengan orang asing seperti Cina, India, Arab, Parsi, Portugis, Itali, Belanda, Inggeris, Perancis dan Sepanyol. Orang asing menguasai bahasa Melayu untuk tujuan perniagaan, perhubungan antara negara dengan raja serta dalam urusan pengembangan ajaran agama. Namun, peranan bahasa Melayu pada zaman ini tidak lagi berfungsi sebagai *lingua franca*. Peranannya sebagai *lingua franca* hanya tercatat sebagai sejarah dahulu kala berdasarkan pembuktian kajian oleh sarjana dan cendekiawan. Kini, bahasa Inggeris dilihat lebih berperanan dan mendominasi sebagai bahasa *lingua franca* dalam perhubungan atau komunikasi antara masyarakat tempatan dengan masyarakat luar.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Rahman Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moin. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Akmajian, A., Demers, R. A., Farmer, A. K. dan Harnish, R. M. (1995). *Linguistik: Penghantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2007). Bahasa Verbal dan Non-verbal Sebagai Cerminan Masyarakat dalam Novel-novel Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 18:1-24.
- Asmah Haji Omar. (2007). Teori Linguistik dan Aplikasinya dalam Memartabatkan Kajian Dialek Melayu. *Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA)*. Anjuran Program Pengajian Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Sariyan. (2002). Ufuk Baharu dalam Kerjasama Bahasa Melayu Serantau. *Dewan Bahasa*. Jilid 2(4):23-28.
- Awang Sariyan. (2007). Bahasa Sebagai Asas Jati Diri Bangsa: Isu, Cabaran dan Upaya Pelestariannya. *Jurnal Bahasa*. Vol. 7(2):1-21.

- Azhar M. Simin, (1988). *Discourse-syntax of “Yang” in Malay (Bahasa Malaysia)*. Diterjemahkan oleh Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gallop, A.T. and Arps, B. (1991). *Golden Letters: Writing Traditions of Indonesia (Surat Emas: Budaya Tulis di Indonesia)*. London: The British Library.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad. (2012). Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 3(12):885-901.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Pelestarian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*. Jilid 2(2):3-19.
- Ina Suryani, Hazry Desa dan Aizan Yaacob. (2010). Malaysia-Thailand Crossborder Communication: The Potential of Business English as Lingua Franca. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 3(2):91-103.
- Juliane, H. (2003). English as a Lingua Franca: A Threat to Multilingualism? *Journal of Sociolinguistics*. Germany: Hamburg University. Jilid. 7(4):556-578
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Abd Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman. (2013). Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa. *International Journal of the Malay World and Civilization (IMAN)*. Jilid 1(1):55-65.
- Liang Liji. (1995). Imbas Kembali Hubungan Melaka-China. *Warta Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia*.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan dan Abdul Latif Samian. (2011). Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Sari- International Journal of the Malay World and Civilization*. Jilid 29(1):103-120.
- Nordin Razak. (2010). *Perkembangan Bahasa Melayu dan Kosa Kata*. Kelantan: Pustaka Sukses.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Suraya Adnan. (2008). *Perubahan Bahasa dalam Warkah Diraja Melayu: Suatu Kajian Mengenai Surat-surat kepada Gabenor dalam Tahun 1786-1794 dan 1886-1894*. Tesis. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Peter, T. (1983). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society*. Britain: Penguin Books.

- Phaosan, J. (2012). *Bahasa Melayu Mendamaikan Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istiqamatunnisak. (2012). Pengaruh Bahasa Melayu Terhadap Kesusasteraan Aceh Ditinjau dari Naskhah *Akhbar al-Karim*. *Manuskripta*, Vol. 2(1).
- Sahrifah Darmia binti Sharif Adam. (2012). Perjuangan dan Cabaran Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di Malaysia, 1957-1966. *Jurnal Sejarah*. Pp 123-144.
- Wardhaugh, R. (2002). *An Intorduction to Sociolinguistics*. Blackwell Publisher Inc.